

SOALAN NO.: 76**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQUULLAH
KAWASAN : KUBANG KERIAN
TARIKH : 1 OGOS 2017, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQUULLAH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini pembinaan jambatan Pasir Tumboh, dalam Parlimen Kubang Kerian, dan bilakah tarikh dijangka siap sepenuhnya dan apakah faktor utama kelewatan projek tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Projek Baiki Jalan Kota Bharu – Kuala Terengganu (KM 10 – KM 21) telah dimulakan pembinaan pada 10 Februari 2015.

Projek ini melibatkan kerja-kerja menaiktaraf jalan sedia ada sepanjang 3.68 km daripada 2 lorong 2 hala kepada 4 lorong 2 hala. Rekabentuk jalan ini adalah berdasarkan piawaian R5 dengan 3.5 m lebar *carriageway*, 2.0m lebar median dan 2.0m bahu jalan berturap serta 2.0m bahu jalan tidak berturap. Tarikh siap asal projek ini ialah pada 9 Februari 2017 dan telah diberi lanjutan masa dengan tarikh siap semasa projek ini adalah pada 1 Ogos 2018. Sebab-sebab kelewatan yang membenarkan lanjutan masa diberi kepada pihak kontraktor ialah berkaitan isu berikut:

1. Terdapat laluan kabel bervoltan tinggi 320kv di kawasan jambatan Pasir Tumboh (Sg. Pengkalan Datu) yang menyebabkan pembinaan *pier* terpaksa diubah kedudukan atas faktor keselamatan yang mana memerlukan tempoh masa untuk merekabentuk semula kedudukan *pier* tersebut. Pembinaan jambatan tersebut kini telah 70% siap di mana pembinaan *pier* & *abutment* telah pun siap sepenuhnya dan kerja-kerja *launching beam* dijangka akan dilaksanakan pada penghujung bulan Julai 2017.

2. Isu pengambilan balik tanah iaitu sebanyak 112 lot tanah terlibat dengan pengambilan bagi projek ini dan proses pengambilan telah bermula sejak November 2014. Status terkini ialah sebanyak 13 lot tanah masih belum selesai pengambilan sepenuhnya dan kini sedang dalam tindakan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Kelantan.

Sekian, terima kasih.